MEGAT AJIB ABD HAMID & YANG LAIN
lwn. QUEK HAN TIONG

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, PULAU PINANG
ABDUL WAHAB MOHAMED PK
[GUAMAN SIVIL NO: 22NCVC-129-09-2014]
18 MEI 2016

PROSEDUR SIVIL: *Bantahan awal – Penzahiran – Pemeriksaan dokumen – Permohonan – Sama ada tertakluk pada keperluan memberi notis Borang 41 – Sama ada bantahan awal ditolak – Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012, A. 24 k. 3 & 10*

PROSEDUR SIVIL: *Penzahiran – Pemeriksaan dokumen – Permohonan – Sama ada pramatang – Sama ada plaintif perlu buktikan kesahihan surat ikatan amanah sebelum layak terima dokumen – Sama ada dokumen berada dalam milikan, jagaan dan kuasa defendan – Sama ada dokumen relevan dengan tuntutan plaintif – Sama ada mahkamah boleh memerintahkan mana-mana pihak untuk mengemukakan dokumen – Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012, A. 24 k. 11, 12 & 13(1)*

Plaintif membuat permohonan di bawah (i) A. 24 k. 3 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ('KKM 2012') supaya defendan-defendan (D1, D2, D3 dan D4) menyerahkan kepada plaintif senarai dokumen yang berada atau pernah berada dalam milikan, jagaan dan kuasa D1, D2, D3 dan D4; dan (ii) A. 24 k. 9 supaya D1, D2, D3 dan D4 mengemukakan dokumen-dokumen dalam senarai itu di pejabat peguam plaintif dan plaintif diberikan kebebasan untuk memeriksa dan membuat nota-nota kandungan dokumen-dokumen tersebut. Plaintif menegaskan bahawa plaintif dan D3 telah menanda tangani satu surat ikatan amanah dengan D1 di mana D1 memegang Mastech Consult ('firma MC') secara amanah untuk plaintif dan D3. Pada 27 Ogos 2014, D1 memindah kepunyaan firma MC kepada D2 tanpa pengetahuan plaintif. Pada masa tersebut, segala urusan firma MC diuruskan oleh D3 dan firma MC berkongsi alamat dengan sebuah syarikat PDB Consult Sdn Bhd ('syarikat PDB') dan rekod perniagaan firma MC disimpan di alamat tersebut. Plaintif dan D3 adalah pengarah dan pemegang saham dalam syarikat PDB. Tidak berapa lama kemudian, D3 memindahkan aset-aset syarikat PDB ke alamat baharu tanpa pengetahuan plaintif dan plaintif percaya bahawa rekod-rekod perniagaan firma MC juga telah diambil oleh D3 semasa perpindahan itu. Firma MC, pada masa berkenaan, mempunyai kontrak-kontrak dengan, antara lain, Bertam Properties Sdn Bhd dan UDA berkaitan beberapa projek ('projek-projek tersebut'). D2 tidak menafikan projek-projek tersebut; D2 hanya menyebut bahawa plaintif perlu membuktikan kesahihan surat ikatan amanah itu sebelum layak terima dokumen-dokumen yang diminta. Plaintif menghujahkan, antara lain, bahawa (i) surat ikatan amanah wujud dan telah dibuktikan atas imbangan kebarangkalian atas alasan D1 dan D3 tidak menafikan bahawa tanda tangan dalam surat ikatan amanah tersebut bukan tanda tangan D1 dan D3; dan (ii) D1 dan D2 tidak menafikan firma MC ada

projek-projek tersebut, dan kontrak-kontrak berkaitan projek-projek ini adalah relevan untuk tuntutan plaintif dan dokumen-dokumen ini boleh dianggap sebagai berada dalam milikan, jagaan atau kuasa defendan D1 dan D2. D3 dan D4 pula membangkitkan bantahan awal bahawa plaintif gagal mematuhi A. 24 k. 10 KKM 2012 kerana gagal memberi Borang 41, suatu notis kepada defendan-defendan sebelum memfailkan permohonan untuk penzahiran dan pemeriksaan dokumen. Defendan-defendan seterusnya berhujah, antara lain, bahawa (i) D1 mengurus perniagaan firma MC bukan sebagai pemegang amanah untuk plaintif dan D3 dan mempertikaikan kebenaran isi kandungan surat ikatan amanah tersebut; (ii) permohonan plaintif berkaitan dengan penzahiran dan pemeriksaan dokumen-dokumen sepatutnya dipremiskan hanya setelah mahkamah membuat keputusan bahawa plaintif merupakan tuan punya benefisiari firma MC; dan (iii) plaintif gagal mengenal pasti defendan mana yang mempunyai milikan, jagaan, atau kuasa terhadap dokumen-dokumen yang dipohon untuk penzahiran dan pemeriksaan.

Diputuskan (membenarkan permohonan plaintif):

(1) Dokumen-dokumen yang dipohon oleh plaintif untuk penzahiran dan pemeriksaan tidak disebut atau dirujuk oleh defendan-defendan. Permohonan yang dibuat oleh plaintif adalah berdasarkan permohonan di bawah A. 24 k. 3 dan tidak tertakluk pada keperluan memberi notis dalam Borang 41 kepada semua defendan sebagaimana yang diperuntukkan dalam A. 24 k. 10. Mahkamah menolak bantahan awal yang dikemukakan oleh defendan-defendan. (perenggan 15, 16 & 18)

(2) Aturan 24 k. 11, k. 12 dan k. 13(1) KKM 2012 perlu dibaca bersekali. Aturan ini membenarkan mahkamah membuat perintah untuk memeriksa dokumen-dokumen sekiranya dokumen-dokumen tidak dikemukakan atau diplidkan oleh mana-mana pihak. Menjadi tugas dan tanggungjawab pihak yang membuat permohonan pemeriksaan dokumen-dokumen untuk membuktikan bahawa perintah mahkamah bagi penzahiran dan pemeriksaan dokumen-dokumen adalah perlu untuk mempercepatkan proses penyelesaian sesuatu tindakan secara adil atau untuk menjimatkan kos. Dokumen-dokumen tersebut telah dibuktikan ada dalam milikan, jagaan atau kuasa defendan-defendan. Dengan itu, permohonan plaintif untuk defendan-defendan mengemukakan dokumen-dokumen untuk penzahiran dan pemeriksaan dokumen-dokumen bukan satu permohonan pramatang. Dokumen-dokumen yang dipohon oleh plaintif tidak akan memberi kesan kepada kesahihan dan kesahan surat ikatan amanah yang dipertikaikan kerana beban membuktikannya masih terletak pada plaintif. (perenggan 28, 29, 30, 34 & 35)

(3) D1 dan D2 tidak menafikan bahawa firma MC mempunyai projek-projek yang dijalankan mengikut kontrak-kontrak tertentu dengan Bertam Properties Sdn Bhd dan UDA. Sehubungan itu, kontrak-kontrak

tersebut merupakan dokumen-dokumen yang diperlukan untuk kiraan ganti rugi dan relevan dengan tuntutan plaintif. Memandangkan firma MC adalah satu pihak dalam kontrak-kontrak tersebut, maka D1 dan D2 sebagai tuan punya MC boleh mendapatkan salinan dokumen-dokumen tersebut daripada Bertam Properties Sdn Bhd dan UDA sekiranya mereka tidak memiliki dokumen-dokumen tersebut. Walaupun dokumen-dokumen ini tidak ada dalam milikan, jagaan atau kuasa defendan, mahkamah masih boleh membuat perintah penzahiran dan pemeriksaan dokumen-dokumen. Maka, dokumen-dokumen ini bolehlah dikategorikan ada dalam milikan, jagaan dan kuasa D1 dan D2. Oleh itu, permohonan plaintif untuk penzahiran dokumen-dokumen oleh defendan-defendan adalah munasabah. Hasil dapatan ini, menurut A. 24 k. 12 KKM 2012, mahkamah boleh memerintahkan mana-mana pihak untuk mengemukakan apa-apa dokumen dan mahkamah ada kuasa budi bicara untuk mengendalikannya dengan cara-cara yang difikirkan sesuai dan adil. (perenggan 36 & 37)

(4) Faktor penting yang perlu dipertimbangkan dalam permohonan untuk pemeriksaan dokumen adalah sama ada dokumen-dokumen yang dipohon oleh plaintif relevan dan material dengan tuntutan plaintif. Menjadi tanggungjawab plaintif untuk mengemukakan keterangan-keterangan untuk memuaskan mahkamah bahawa pengemukaan dokumen-dokumen adalah perlu sebagaimana yang telah ditetapkan dalam A. 24 k. 13 KKM 2012. Plaintif berjaya mengemukakan keterangan-keterangan yang membolehkan mahkamah menggunakan budi bicara untuk mengeluarkan perintah supaya dokumen-dokumen yang dipohon oleh plaintif dizahirkan dan diperiksa untuk menjimatkan masa dan kos. Tiada bukti bahawa plaintif cuba 'memancing' untuk mendapatkan keterangan bagi tuntutannya. (perenggan 38 & 40)

Kes-kes yang dirujuk:

Dun & Bradstreet Ltd v. Typesetting Facilities Ltd [1992] FSR 320 ***(dirujuk)***

Government of the State of Selangor v. Central Lorry Service & Construction Ltd [1971] 1 LNS 36 HC ***(dirujuk)***

Huang Ai-O & Satu Lagi lwn. Yoon Sang Ki & Satu Lagi [2008] 1 LNS 268 HC ***(dirujuk)***

Mahfar Alwee v. Jejaka Megah Sdn Bhd & Anor [2007] 7 CLJ 116 HC ***(dirujuk)***

Manilal & Sons Pte Ltd v. Bhupendra Kumar J Shan [1990] 1 CLJ 623; [1990] 3 CLJ (Rep) 786 HC ***(dirujuk)***

Nguang Chan Liquor Trader & Ors v. Hai-O Enterprise Sdn Bhd & Ors [2009] 5 MLJ 40 ***(dirujuk)***

Rafidain Bank v. Agom Universal Sugar Trading Co Ltd and Another [1987] 3 All ER 859 ***(dirujuk)***

Syarikat Chin Seng Supermarket v. United Continental Insurance Sdn Bhd [1996] 1 LNS 10 HC ***(dirujuk)***

Taylor v. Anderton [1995] 1 WLR 447 ***(dirujuk)***

Wiedemann v. Walpole [1891] 2 QB 534 ***(dirujuk)***

Yekambaran Marimuthu v. Malayawata Steel Bhd [1994] 2 CLJ 581 HC ***(dirujuk)***

A **Perundangan yang dirujuk:**
Rules of Court 2012, O. 24 rr. 3, 7, 7A, 9, 10, 11, 12, 13(1)

Bagi pihak plaintif - MK Ooi; T/n Lim Ooi & Partners
Bagi pihak defendan 1 & 2 - Cristina Siew; T/n Lim Kean Siew & Co
Bagi pihak defendan 3 & 4 - Daphne Choy; T/n Choy & Assocs

B *Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin*

PENGHAKIMAN

Abdul Wahab Mohamed PK:

C **Latar Belakang**

[1] Plaintif membuat permohonan di bawah A. 24 k. 3 supaya defendan-defendan (D1, D2, D3 dan D4) menyerahkan kepada plaintif senarai dokumen yang berada atau pernah berada dalam milikan, jagaan dan kuasa
D D1, D2, D3 dan D4 dan A. 24 k. 9 supaya D1, D2, D3 dan D4 mengemukakan dokumen-dokumen dalam senarai itu di pejabat peguam plaintif dan plaintif atau peguamnya diberi kebebasan untuk memeriksa dan membuat nota-nota kandungan dokumen-dokumen tersebut (lampiran 34).

Fakta Kes

E **[2]** Plaintif, D1, D2 dan D3 kesemua adalah jurutera profesional yang didaftar di bawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967 dalam bidang sivil dan struktur.

[3] Plaintif menegaskan bahawa plaintif dan D3 tandatangani suatu surat
F ikatan amanah bertarikh 20 September 2011 dengan D1 di mana D1 pegang Mastech Consult (selepas ini dirujuk sebagai firma MC) secara amanah untuk plaintif dan D3. Pada masa itu D1 adalah pemilik tunggal firma MC.

[4] Plaintif juga menegaskan bahawa mengikut fasal 4 surat ikatan amanah itu, D1 dibayar 10% pendapatan kasar (gross income) firma MC kerana jadi
G pemegang amanah. Pada 27 Ogos 2014, D1 pindah kepunyaan (ownership) firma MC kepada D2 tanpa pengetahuan plaintif. Walau bagaimanapun, D1 dan D2 cabar kesahihan surat ikatan amanah itu dalam afidavit mereka yang diikrar pada 15 Oktober 2015 tetapi D1 tidak nafikan tandatangan dalam surat ikatan amanah itu adalah tandatangan beliau.

H **[5]** D2 menegaskan bahawa dalam tempoh masa dari 1 Jun 2010 sehingga 27 Ogos 2014, D1 merupakan pemilik tunggal firma MC dan selepas itu, dari 27 Ogos 2014 sehingga sekarang D2 merupakan pemilik tunggal firma MC. D2 juga menegaskan bahawa plaintif tidak pernah didaftarkan sebagai pemilik ataupun perkongsian firma MC.

I **[6]** Manakala D3 telah nafikan perenggan yang rujuk kepada surat ikatan amanah itu dalam afidavit pertama plaintif tetapi D3 tidak dengan jelas nafikan tandatangan di surat ikatan amanah itu bukan tandatangan beliau. D3

mengakui bahawa beliau telah menubuhkan syarikat D4 dan beliau merupakan pemegang saham dan pengarah D4 serta D2 bekerja di syarikat D4.

[7] Pada masa tersebut firma MC mempunyai akaun semasa di AmBank (M) Berhad di Seberang Jaya, Butterworth, Pulau Pinang (akaun tersebut). Segala urusan firma MC dan akaun tersebut diuruskan oleh D3.

[8] Pada masa yang sama juga firma MC berkongsi alamat dengan sebuah syarikat PDB Consult Sdn Bhd (syarikat PDB) di No. 15A & 15B, Lorong Perda Selatan 1 Bandar Perda, Bukit Mertajam, Pulau Pinang dan rekod-rekod perniagaan firma MC juga disimpan di alamat tersebut. Plaintif dan D3 adalah pengarah dan pemegang saham dalam syarikat PDB.

[9] Tidak berapa lama kemudian, D3 telah pindahkan aset-aset syarikat PDB ke alamat baru di Island Glade Pulau Pinang tanpa pengetahuan plaintif dan plaintif percaya bahawa rekod-rekod perniagaan firma MC juga telah diambil oleh D3 dan pembantu-pembantunya semasa perpindahan itu.

[10] Firma MC, pada masa berkenaan mempunyai kontrak-kontrak dengan Bertam Properties Sdn Bhd dan UDA berkaitan projek-projek seperti berikut:

(a) Bertam BP2 phase 1D & 1F

(b) Bertam Town Center

(c) Bertam BP2 Phase 2A

(d) Bertam BP1 Phase 2

(e) Bertam - BP1 Phase 1D & 1F

(f) UDA - Phase 6C

[11] D2 tidak nafikan projek-projek yang disebut di perenggan di atas. D2 hanya sebut bahawa plaintif perlu buktikan kesahihan surat ikatan amanah itu sebelum layak terima dokumen-dokumen yang diminta.

Bantahan Awal Peguam Defendan Ketiga Dan Defendan Keempat

[12] Peguam D3 dan D4 telah berhujah bahawa plaintif telah gagal mematuhi peruntukan A. 24 k. 10 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 (KKM) kerana gagal memberi Borang 41 suatu notis kepada defendan-defendan sebelum memfailkan permohonan untuk penzahiran dan pemeriksaan dokumen dengan merujuk kepada kes *Mahfar Alwee v. Jejaka Megah Sdn Bhd & Anor* [2007] 7 CLJ 116; [2007] 4 MLJ 175.

[13] Peguam plaintif berhujah bahawa permohonan untuk penzahiran dan pemeriksaan dokumen boleh dibuat di bawah A. 24 k. 3 atau k. 7 atau k. 7A atau k. 10 atau k. 12. Dalam guaman ini, defendan-defendan tidak merujuk kepada mana-mana dokumen. Oleh yang demikian, Borang 41

sebagaimana yang diperuntukkan di dalam k. 10 tidak terpakai kerana permohonan yang dibuat oleh plaintif (lampiran 34) adalah berdasarkan permohonan untuk penzahiran dan pemeriksaan dokumen di bawah k. 3.

Dapatan Ke Atas Bantahan Awal

[14] Dalam memberikan pertimbangan kepada bantahan awal ini, adalah wajar saya merujuk kepada A. 24 k. 3 dan A. 24 k. 10.

Aturan 24 k. 3 KKM memperuntukkan seperti berikut:

> (1) Tertakluk kepada peruntukan kaedah ini dan kaedah 4 dan 8, Mahkamah boleh pada bila-bila masa memerintahkan mana-mana pihak kepada suatu kausa atau perkara (sama ada dimulakan melalui writ, saman pemula atau selainnya) untuk memberikan penzahiran dengan membuat dan menyampaikan kepada mana-mana pihak lain satu senarai dokumen yang berada atau pernah berada dalam milikan, jagaan atau kuasanya dan boleh pada masa yang sama atau kemudiannya memerintahkannya supaya membuat dan memfailkan suatu afidavit menentusahkan suatu senarai yang sedemikian dan menyampaikan satu salinan afidavit itu kepada pihak lain itu.
>
> (2) (Tiada perenggan (2)).
>
> (3) (Tiada perenggan (3)).
>
> (4) Dokumen yang suatu pihak kepada suatu kausa atau perkara boleh diperintahkan untuk dizahirkan di bawah perenggan (1) adalah seperti berikut:
>
> (a) dokumen yang pihak itu bersandarkan atau yang akan bersandar padanya; dan
>
> (b) dokumen yang akan -
>
> (i) menjejaskan kesnya sendiri;
>
> (ii) menjejaskan kes pihak lain; atau
>
> (iii) menyokong kes pihak lain.

Manakala A. 24 k. 10 KKM memperuntukkan seperti berikut:

> 10. (1) Mana-mana pihak dalam suatu kausa atau perkara adalah berhak pada bila-bila masa untuk menyampaikan suatu notis dalam Borang 41 kepada mana-mana pihak lain yang pliding atau afidavitnya sebutan dibuat kepada mana-mana dokumen yang menghendakinya untuk mengemukakan dokumeh itu untuk pemeriksaan pihak yang memberikan notis itu dan membenarkannya membuat salinan dokumen itu.

[15] Saya telah meneliti pembelaan semua defendan dan saya berpuas hati bahawa dokumen-dokumen yang dipohon oleh plaintif untuk penzahiran dan pemeriksaan tidak disebut atau dirujuk oleh defendan-defendan.

[16] Sehubungan dengan itu, saya setuju dengan hujahan peguam plaintif bahawa permohonan yang dibuat oleh plaintif adalah berdasarkan kepada permohonan di bawah A. 24 k. 3 dan ianya tidak tertakluk kepada keperluan untuk memberi notis dalam borang 41 kepada semua defendan sebagaimana yang diperuntukkan dalam k. 10.

[17] Untuk ini saya merujuk kepada kes *Huang Ai-O & Satu Lagi lwn. Yoon Sang Ki & Satu Lagi* [2008] 1 LNS 268; [2008] 8 MLJ 441 di ms. 445 telah diputuskan seperti berikut:

> [4] Berpandukan kepada kes di atas, apa yang perlu ditentukan oleh mahkamah di dalam kes ini ialah sama ada terdapatnya dokumen yang relevan yang berada di dalam jagaan atau milikan pihak plaintif. Tidak menafikan kewujudan dokumen-dokumen berkenaan. Bagaimanapun, plaintif menghujahkan bahawa permohonan defendan adalah bertentangan dengan A. 24 KMT kerana tiada apa-apa peruntukan di bawah kaedah berkenaan yang membolehkan permohonan dibuat bagi maksud untuk mengemukakan dokumen di hadapan mahkamah. Pada pendapat mahkamah, hujahan yang diutarakan oleh peguam plaintif adalah begitu mengelirukan dan cuba menafikan kuasa budi bicara yang diberikan kepada mahkamah. Pemakaian A. 24 KMT secara amnya, dan secara spesifik A. 24 k. 10 kaedah yang berkenaan telah pun diterangkan oleh Ramly Ali J di dalam kes *Syarikat Ying Mui Sdn Bhd v. Yeh Ying Sdn Bhd* [2003] MLJU 371, seperti berikut:
>
> Seperti yang dinyatakan di dalam kes di atas, pentadbiran di bawah A. 24 r. 10 KMT hanya terhad kepada dokumen yang dirujuk di dalam pliding atau pun affidavit, dan mahkamah mempunyai budi bicara untuk membenarkan permohonan oleh mana-mana pihak untuk melakukan pemeriksaan terhadap dokumen-dokumen yang telah di rujuk. Di dalam kes ini dokumen-dokumen yang diminta oleh defendan untuk dikemukakan bagi maksud pemeriksaan telah pun di rujuk oleh plaintif di dalam afidavitnya atau pun di dalam pliding dan dengan itu mahkamah berpendapat adalah tidak salah untuk defendan memohon kepada mahkamah supaya plaintif mengemukakan salinan-salinan asal dokumen-dokumen tersebut bagi maksud pemeriksaan.

[18] Berdasarkan kepada alasan di atas, saya menolak bantahan awal yang dikemukakan oleh defendan-defendan dan mengarahkan pihak-pihak berhujah ke atas merit permohonan ini berdasarkan kepada semua afidavit-afidavit yang telah difailkan.

Hujahan Peguam Plaintif

[19] Peguam plaintif berhujah bahawa surat ikatan amanah itu wujud dan telah dibuktikan di atas imbangan kebarangkalian atas alasan D1 dan D3 tidak menafikan bahawa tandatangan dalam surat ikatan amanah tersebut bukan tandatangan D1 dan D3.

[20] Peguam plaintif juga berhujah bahawa D1 dan D2 tidak balas pernyataan plaintif dalam afidavit plaintif berkaitan dengan e-mel yang dihantar oleh D3 kepada plaintif berkaitan projek-projek yang disebut di

dalam perenggan [10] di atas. Dalam ekshibit yang dilampirkan dalam afidavit tersebut ada catatan bayaran 10% kepada D1 pada tarikh-tarikh tertentu dengan menggunakan cek-cek AmBank dan merujuk kepada surat ikatan amanah. D1 dan D2 gagal untuk balas pernyataan plaintif melalui afidavit balasan mereka.

[21] Peguam plaintif menegaskan bahawa D3 juga mengesahkan maklumat dalam e-mel D3 didapati daripada cek stub dan ini membuktikan maklumat yang terdapat dalam e-mel tersebut adalah benar.

[22] Peguam plaintif turut berhujah bahawa D1 dan D2 tidak menafikan firma MC ada projek-projek di Bertam Properties Sdn Bhd dan di UDA. Kontrak-kontrak berkaitan projek-projek ini adalah relevan untuk tuntutan plaintif dan dokumen-dokumen ini boleh dianggap sebagai berada dalam milikan, jagaan atau kuasa defendan D1 dan D2.

Hujahan Peguam Defendan-Defendan

[23] Peguam D1 dan D2 berhujah bahawa D1 mengurus perniagaan firma MC bukan sebagai pemegang amanah kepada plaintif dan D3 dan mempertikaikan kebenaran isi kandungan surat ikatan amanah tersebut. Sehubungan dengan itu, isu bahawa D1 merupakan pemegang amanah firma MC untuk plaintif dan D3 sepatutnya ditentukan melalui perbicaraan penuh.

[24] Peguam D1 dan D2 turut berhujah bahawa permohonan plaintif berkaitan dengan penzahiran dan pemeriksaan dokumen-dokumen yang terdapat dalam pernyataan tuntutan terpinda plaintif iaitu akaun keuntungan dan kerugian firma MC, akaun bank firma MC dan kontrak-kontrak yang telah dimasuki oleh firma MC adalah dipremiskan hanya setelah mahkamah membuat keputusan bahawa plaintif merupakan tuan punya benefisiari firma MC. Sekiranya tidak ada keputusan sedemikian, maka plaintif tidak berhak untuk memeriksa dokumen-dokumen tersebut kerana tidak ada pertalian atau hubungan di antara plaintif dan firma MC.

[25] Peguam D1 dan D2 turut menegaskan bahawa sekiranya permohonan plaintif ini dibenarkan, ia akan memberi kesan bahawa sebahagian daripada keputusan mahkamah ini menyebelahi plaintif sebelum isu pokok sama ada plaintif merupakan tuan punya benefisiari MC diputuskan secara muktamad. Peguam D3 dan D4 menerima pakai hujahan yang dibuat oleh peguam D1 dan D2.

[26] Peguam D3 dan D4 berhujah bahawa D3 dan D4 tidak buat rujukan pada dokumen-dokumen yang hendak diperiksa oleh plaintif dalam pliding dan afidavit balasan mereka dengan membuat rujukan kepada kes *Mahfar Alwee v. Jejaka Megah Sdn Bhd & Anor* [2007] 7 CLJ 116; [2007] 4 MLJ 175.

[27] Peguam D3 dan D4 juga berhujah bahawa dalam permohonan ini, plaintif gagal mengenal pasti defendan yang mana satu mempunyai milikan, jagaan atau kuasa terhadap dokumen-dokumen yang dipohon untuk

penzahiran dan pemeriksaan dan plaintif juga gagal buktikan dokumen yang mana satu yang berada dalam milikan, jagaan atau kuasa di antara defendan-defendan.

Dapatan Mahkamah

[28] Plaintif telah membuat permohonan untuk membuat penzahiran dan pemeriksaan dokumen di bawah A. 24 k. 3 dan k. 9 KKM dan bukan di bawah A. 24 k. 10. Setelah meneliti semua afidavit yang telah difailkan oleh plaintif dan defendan-defendan, saya berpendapat A. 24 k. 11, k. 12 dan k. 13(1) perlu dibaca bersama.

Aturan 24 k. 11 memperuntukkan seperti berikut:

> 11. (1) Sekiranya satu pihak yang dikehendaki oleh kaedah 9 untuk menyampai satu notis sebagaimana yang dinyatakan di dalamnya atau yang disampaikan dengan suatu notis di bawah kaedah 10(1)
>
> (a) gagal untuk menyampaikan suatu notis di bawah Kaedah 9 atau, mengikut mana-mana yang berkenaan kaedah 10(2);
>
> (b) membantah untuk mengemukakan apa-apa dokumen untuk pemeriksaan; atau
>
> (c) menawarkan untuk memeriksa pada suatu masa atau di suatu tempat yang pada pendapat Mahkamah, tidak munasabah untuk menawarkan pemeriksaan ketika itu atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, di tempat itu.
>
> Maka tertakluk kepada Kaedah 13(1), Mahkamah boleh, atas permohonan pihak yang berhak untuk diperiksa, membuat suatu perintah dalam Borang 43 bagi pengemukaan dokumen yang dalam persoalan untuk pemeriksaan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat, dan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang difikirkan patut.
>
> (2) Tanpa menjejaskan perenggan (1) tetapi tertakluk kepada kaedah 13(1), Mahkamah boleh, atas permohonan mana-mana pihak dalam suatu kausa atau perkara, memerintahkan mana-mana pihak lain untuk membenarkan pihak yang memohon itu memeriksa apa-apa dokumen dalam milikan, jagaan atau kuasa pihak yang satu lagi itu yang berhubungan dengan apa-apa perkara yang dalam persoalan dalam kausa atau perkara itu.
>
> (3) Suatu permohonan minta suatu perintah di bawah perenggan (2) hendaklah disokong dengan suatu affidavit yang menyatakan atau memperihalkan dokumen yang pemeriksaannya diminta dan menyatakan kepercayaan deponen bahawa dokumen itu berada dalam milikan, jagaan atau kuasa pihak yang satu lagi itu dan bahawa dokumen itu adalah berhubungan dengan suatu perkara dalam persoalan dalam kausa atau perkara itu.

[29] Berdasarkan kepada fahaman saya, Aturan ini membenarkan mahkamah membuat perintah untuk periksa dokumen-dokumen sekiranya dokumen-dokumen tidak dikemukakan atau diplidkan oleh mana-mana pihak. (rujuk kes *Wiedemann v. Walpole* [1891] 2 QB 534). Pihak yang membuat permohonan untuk periksa dokumen-dokumen perlu menyatakan secara spesifik dokumen-dokumen yang dipohon dan hendaklah mengatakan yang beliau mempunyai kepercayaan bahawa permohonan dibuat ke atas pihak yang satu lagi kerana dokumen-dokumen ada dalam milikannya, jagaannya atau kuasanya dan dokumen-dokumen ini mempunyai kaitan dengan permohonan yang dibuat (rujuk kes *Dun and Bradstreet Ltd v. Typesetting Facilities Ltd* [1992] FSR 320).

Aturan 24 k. 12 memperuntukkan seperti berikut:

> 12.(1) Pada mana-mana peringkat prosiding dalam apa-apa kausa atau perkara Mahkamah boleh tertakluk kepada kaedah 13(1), memerintahkan mana-mana pihak untuk mengemukakan kepada Mahkamah apa-apa dokumen dalam milikannya, jagaannya atau kuasanya yang berhubungan dengan mana-mana perkara dalam persoalan dalam kausa atau perkara itu yang termasuk di dalam satu daripada perihalan berikut: (a) dokumen yang pihak itu bersandar atau yang akan bersandarkan padanya.
>
> (b) dokumen yang akan -
>
> (i) menjejaskan kes suatu pihak; atau
>
> (ii) menyokong kes suatu pihak; dan
>
> (c) dokumen yang boleh membawa kepada suatu siri siasatan yang mengakibatkan memperoleh maklumat yang boleh:
>
> (i) menjejaskan kes suatu pihak; atau
>
> (ii) menyokong kes suatu pihak.
>
> (2) Mahkamah boleh berurusan dengan dokumen apabila dikemukakan menurut suatu perintah yang dibuat bawah perenggan (1) dalam apa-apa cara yang difikirkan perlu.

Dan A. 24 k. 13 memperuntukkan seperti berikut:

> 13.(1) Suatu perintah bagi pengemukaan apa-apa dokumen untuk pemeriksaan atau kepada Mahkamah tidak boleh dibuat di bawah mana-mana kaedah yang tersebut di atas melainkan jika Mahkamah berpendapat bahawa perintah itu adalah perlu sama ada untuk menyelesaikan secara adil kausa atau perkara itu atau untuk menjimatkan kos.

[30] Berdasarkan kepada Aturan ini, adalah menjadi tugas dan tanggungjawab pihak yang membuat permohonan pemeriksaan dokumen-dokumen untuk membuktikan bahawa perintah mahkamah bagi penzahiran dan pemeriksaan dokumen-dokumen adalah diperlukan untuk

mempercepatkan proses penyelesaian sesuatu tindakan secara adil atau untuk menjimatkan kos. (rujuk kes *Government of the State of Selangor v. Central Lorry Service & Construction Ltd* [1971] 1 LNS 36; [1972] 1 MLJ 102).

[31] Berbalik kepada hujahan peguam defendan-defendan bahawa permohonan plaintif untuk pemeriksaan dokumen-dokumen yang dinyatakan di perenggan [10] merupakan satu tindakan yang pramatang dalam tindakan menentukan kesahihan dan kesahan surat ikatan amanah, saya berpendapat adalah wajar saya merujuk kepada prinsip umum berkaitan dengan penzahiran dan pemeriksaan dokumen seperti yang telah diputuskan dalam kes *Manilal & Sons Pte Ltd v. Bhupendra Kumar J Shan* [1990] 1 CLJ 623; [1990] 3 CLJ (Rep) 786, Chao Hick Tin J di ms. 796 memutuskan seperti berikut:

> Under the general order of Court for discovery, a party is obliged to make discovery of all documents relevant to the matters in question in the action. What are the matters in question would depend on the pleadings. A document relates to the matter in question in the action if it contains information which may - not which must - either directly or indirectly enable the party requiring the discovery to advance his own case or to damage the case of his adversary or which may fairly lead to a train of inquiry may have either of those two consequences.

[32] Untuk membolehkan sesuatu penzahiran dokumen-dokumen, terdapat elemen-elemen yang mesti dipenuhi oleh plaintif sebelum permohonan tersebut dapat dibenarkan oleh saya. Elemen-elemen tersebut telah dijelaskan oleh Edgar Joseph Jr SCJ dalam kes *Yekambaran Marimuthu v. Malayawata Steel Berhad* [1994] 2 CLJ 581; [1993] MLJU 96 seperti berikut:

> The essential elements for an order for discovery are threefold: namely, first there must be a document, secondly the document must be relevant and thirdly the document must be or have been in the possession, custody or power of the party against whom the order for discovery is sought.
>
> It is undisputable, that the items of which the discovery is sought are documents and that they are in the possession, custody or power of the defendant and nothing more need be said about it.

[33] Untuk menentukan sama ada plaintif telah memenuhi elemen yang dibentangkan di atas, adalah wajar saya meneliti kembali semua afidavit yang difailkan oleh plaintif dan defendan-defendan. Dalam afidavit plaintif iaitu berkaitan e-mel yang dihantar oleh D3 kepada plaintif ada merujuk kepada projek-projek yang dirujuk oleh plaintif yang dinyatakan di perenggan [10]. Dalam e-mel tersebut ada catitan bayaran 10% kepada D1 pada beberapa tarikh tertentu dengan menggunakan beberapa cek-cek AmBank. Terdapat juga rujukan dibuat kepada fasal 4 dalam surat ikatan amanah iaitu rujukan kepada bayaran 10% kepada D1. D3 juga mengesahkan maklumat dalam e-melnya kepada plaintif didapati daripada cek stub D3.

[34] Kedudukan ini dapat membuktikan bahawa dokumen-dokumen ini berada dalam milikan, jagaan atau kuasa defendan-defendan. Terdapat fakta lain yang tidak dipertikaikan oleh D3 di mana firma MC berkongsi alamat dengan sebuah Syarikat PDB Consult Sdn Bhd (syarikat PDB) dan rekod-rekod perniagaan MC juga disimpan di alamat tersebut. Plaintif dan D3 adalah pengarah dan pemegang saham dalam syarikat PDB. Tidak lama kemudian D3 telah pindahkan aset-aset syarikat PDB ke alamat baru di Island Glade Pulau Pinang tanpa pengetahuan plaintif dan plaintif percaya bahawa rekod-rekod perniagaan MC juga telah diambil oleh D3 dan pembantu-pembantunya semasa perpindahan itu.

[35] Berdasarkan kepada kedudukan di atas, adalah menjadi dapatan saya bahawa permohonan plaintif untuk defendan-defendan mengemukakan dokumen-dokumen untuk penzahiran dan pemeriksaan dokumen-dokumen yang dinyatakan di perenggan [10] bukan merupakan satu permohonan yang pramatang. Dokumen-dokumen yang dipohon oleh plaintif tidak akan memberi kesan kepada kesahihan dan kesahan surat ikatan amanah yang dipertikaikan kerana beban untuk membuktikannya masih terletak di atas plaintif.

[36] Selanjutnya, saya membuat penilaian ke atas hujahan peguam defendan-defendan yang menegaskan bahawa defendan-defendan tidak buat rujukan pada dokumen-dokumen yang hendak diperiksa oleh plaintif dan plaintif telah gagal mengenal pasti defendan yang mana satu mempunyai milikan, jagaan dan kuasa ke atas dokumen-dokumen yang dipohon. Bersandarkan kepada hujahan balas peguam plaintif di mana dipersetujui oleh saya, D1 dan D2 tidak nafikan firma MC mempunyai projek-projek yang dijalankan mengikut kontrak-kontrak tertentu dengan Bertam Properties Sdn Bhd dan UDA. Sehubungan dengan itu, kontrak-kontrak tersebut merupakan dokumen-dokumen yang diperlukan untuk kiraan ganti rugi dan relevan untuk tuntutan plaintif. Memandangkan firma MC adalah satu pihak kepada kontrak-kontrak tersebut, maka D1 atau D2 sebagai tuan punya MC boleh dapatkan salinan dokumen-dokumen tersebut daripada Bertam Properties Sdn Bhd dan UDA sekiranya mereka tidak memiliki dokumen-dokumen tersebut. Saya berpendapat walaupun dokumen-dokumen ini tidak berada dalam milikan, jagaan atau kuasa defendan, mahkamah masih boleh membuat perintah untuk penzahiran dan pemeriksaan dokumen-dokumen. Dalam kes *Rafidain Bank v. Agom Universal Sugar Trading Co Ltd and Another* [1987] 3 All ER 859 di ms. 862f, Mahkamah Rayuan membuat keputusan seperti berikut:

> I will refer again later, the material provisions were evidently intended to give the other party the same advantage as if the documents referred to had been fully set out in the pleadings. Why should that advantage be automatically denied to him because the documents are not in the possession, custody or power of the party who refers to the? Moreover, under r. 11(1) the court is not bound to make an order for production.

> It has the discretion to do so or not as it sees fit. The authorities establish that an order will not be made if good cause to the contrary is shown. Doubtless the absence of possession, custody or power will sometimes amount to a good cause. But why should it invariably do so? Suppose a case where there was as technical absence of possession, custody or power, but nevertheless evidence that third party who had possession of the document would very likely make it available if only he was asked to do so? I can see no reason for thinking that the court should be powerless to make an order whose practical effect would be to require the request to be made to the third party.

Maka dokumen-dokumen ini bolehlah dikategorikan berada dalam milikan, jagaan dan kuasa D1 atau D2. Atas keadaan ini, saya berpendapat bahawa permohonan plaintif untuk penzahiran dokumen-dokumen oleh defendan-defendan adalah munasabah dan sah.

[37] Hasil daripada dapatan ini, menurut A. 24 k. 12 KKM, mahkamah boleh memerintahkan mana-mana pihak untuk mengemukakan apa-apa dokumen dan mahkamah ada kuasa budi bicara untuk mengendalikannya dengan cara-cara yang difikirkan sesuai dan adil. Dalam kes *Syarikat Chin Seng Supermarket v. United Continental Insurance Sdn Bhd* [1996] 1 LNS 10; [1997] 5 MLJ 121 YA Nik Hashim bin Nik Ab Rahman PK (pada ketika itu) telah menyatakan seperti berikut:

> The effect of r. 12, which should be read with r. 13, is that it gives the power to the Court at any stage of the proceedings to order any party to produce to the Court any document in his possession, custody or power; whereas para (1) of r. 13 stipulates the guiding consideration for any order for production and inspection, whilst para (2) empowers the Court where an objection to production or inspection is made on a claim for privilege to determine the validity of such objection. By the terms of the provisions under the rules, the power of the Court to order production of any document, to my mind is discretionary in nature, the exercise of which depends on the merit of each case. It is not the law that the party seeking the production of the document is entitled to the production as of right. The party has to satisfy the Court that its application fits in the above rules (see *Mallal's Supreme Court Practice* (2nd Ed) Vol 1 p 317).

[38] Faktor penting yang perlu saya beri pertimbangan dalam permohonan untuk pemeriksaan dokumen ialah sama ada dokumen-dokumen yang dipohon oleh plaintif relevan dan material kepada tuntutan plaintif. Oleh yang demikian adalah menjadi tanggungjawab plaintif untuk mengemukakan keterangan-keterangan untuk memuaskan hati saya bahawa pengemukaan dokumen-dokumen adalah diperlukan sebagaimana yang telah ditetapkan dalam A. 24 k. 13 KKM. Dalam konteks ini, Sir Thomas Bingham MR dalam kes *Taylor v. Anderton* [1995] 1 WLR 447 di ms. 462 berkata antara lain seperti berikut:

> In considering the application the Court should bear in mind the words of that the purpose of the rule is to ensure that one party does not enjoy an advantage or suffer an unfair disadvantage in the litigation as the result of a document not being produced for inspection.

[39] Dalam kes *Nguang Chan aka Nguang Chan Liquor Traders v. Hai-O Enterprise Bhd & Ors* [2009] 5 MLJ 40 Mahkamah Rayuan telah membuat keputusan seperti berikut:

> Under O. 24 r. 13(1) of the RHC, an order for the production of documents for inspection is not to be made unless the court is of opinion that such order is necessary either for disposing fairly of the case or matter or for saving costs. It is for the party seeking production to satisfy the court that such production is necessary for the purpose specified in r. 13(1). The court would dismiss a plaintiff's application for discovery if the plaintiff is merely fishing for evidence to prop up his case and to allow him discovery would be unduly oppressive to the party giving discovery.

[40] Hasil analisa terhadap semua afidavit yang telah difailkan oleh plaintif dan defendan-defendan dan berpremiskan dapatan-dapatan saya di atas, saya berpuas hati bahawa plaintif telah berjaya kemukakan keterangan-keterangan yang membolehkan saya menggunakan budi bicara untuk mengeluarkan perintah supaya dokumen-dokumen yang dipohon oleh plaintif dizahirkan dan diperiksa untuk menjimatkan masa dan kos. Saya juga berpendapat tidak terdapat bukti yang dikemukakan oleh defendan-defendan bahawa plaintif cuba "memancing" untuk mendapatkan keterangan bagi tuntutannya.

Kesimpulan

[41] Berdasarkan kepada dapatan-dapatan saya di atas, permohonan plaintif di lampiran 34 iaitu permohonan untuk penzahiran dan pemeriksaan dokumen-dokumen dibenarkan dengan plaintif dikehendaki membayar kos sebanyak RM2,000 kepada D1 dan D2 dan RM2,000 kepada D3 dan D4.